



Para pelajar akan berpeluang untuk menambah kemahiran dan pengalaman mereka di CREACTIVE.

Kreativiti bermula di CREACTIVE

Sebuah agensi pengiklanan yang diurus sepenuhnya oleh para pelajar Kolej IACT

KEBANYAKAN Kolej atau Universiti Tempatan akan cuba untuk memberi pendedahan dunia pekerjaan yang sebenar kepada para pelajar dengan menawarkan latihan praktikal di organisasi – organisasi korporat sebelum mereka menamatkan pengajian.

Di Kolej IACT, para pelajar diwajibkan menjalani latihan praktikal selama tiga bulan namun begitu tenaga pengajar di IACT berpendapat bahawa dengan hanya latihan praktikal ini, ianya tidak mencukupi.

Menyedari akan hakikat ini, Lee Kok Leong, Pengarah merangkap Pengetua Kolej IACT bersama beberapa Pensyarah Kolej tersebut telah melancarkan CREACTIVE, sebuah agensi pengiklanan yang diuruskan secara eksklusif oleh para pelajar IACT.

Di CREACTIVE, para pelajar bertanggungjawab dalam menguruskan segala urusan agensi dari segi operasi, pengeluaran idea, senarai sebut harga, perbincangan dengan klien sehingga ke persetujuan tawaran. Selain daripada ini, para pelajar juga mereka bentuk rekaan klien mengikuti cita rasa klien tersebut, dari rekaan, pilihan warna sehingga ke draf yang terakhir.

Sejak ia dilancarkan pada tahun 2002, CREACTIVE berjaya membina senarai portfolio klien yang mengagumkan dan eklektik, di mana mereka telah bekerjasama dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) seperti P.S. The Children, Persatuan Mencegah Kezaliman Terhadap Haiwan (SPCA), DIGI, Restoran Borneo In The City, Celmonze Sdn. Bhd, Cengage Learning Asia Ptd. Ltd, Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa, Hoctrade Sdn. Bhd, Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC), dan Radio Stesyen Xfresh.

Sama seperti agensi-agensis pengiklanan yang sedia ada, CREACTIVE juga mempunyai sebuah kumpulan kreatif yang terdiri daripada Pereka Grafik dan Penulis, dan sebuah kumpulan lagi yang terdiri daripada Pengurus Akaun Klien dan Pegawai Perhubungan Awam. Setiap pelajar di CREACTIVE mempunyai tanggungjawab yang tersendiri seperti mengemaskini kerja-kerja mereka, mendapatkan status hasil rekaan seni yang terkini, dan membuat temu janji dengan klien untuk menunjukkan hasil visual kepada mereka.

Kebiasaannya, Pengurus Akaun akan mendapatkan maklum balas daripada klien tentang kehendak,

pilihan dan jenis kempen yang mereka ingini. Justeru itu, kumpulan kreatif akan mengemukakan idea berdasarkan keinginan tersebut.

CREACTIVE membuka minda para pelajar untuk menjadi lebih kreatif dan juga untuk memantapkan lagi kemahiran mereka. Selain daripada ini, pelbagai kemahiran yang akan para pelajar perolehi seperti kemahiran merunding, komunikasi, pengurusan masa, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah.

Pelbagai cabaran akan ditempuhi oleh para pelajar sepanjang penglibatan mereka di CREACTIVE. Namun begitu, cabaran-cabaran tersebut adalah pemangkin kepada pembentukan seorang pelajar yang berkemahiran dan berpengalaman bukan sahaja dari segi teori tetapi juga praktikal. Pengalaman yang mereka perolehi ini adalah sebagai persediaan awal bagi menempuh alam pekerjaan, dan pada masa yang sama juga, dapat menambahkan keyakinan mereka untuk berhadapan dengan majikan. Pendekatan unik ini yang menjadikan Kolej IACT berbeza daripada kolej-kolej tempatan yang lain.

Kolej IACT bermula di awal tahun 1970-an sebagai sebuah Jawatankuasa Pendidikan Bersama bagi Malaysian Advertisers Association (MAA) dan Association of Accredited Advertising Agents Malaysia (4As) dan seterusnya berkembang maju menjadi sebuah Institusi Pendidikan sepenuhnya pada tahun 1993. Ditubuh dan diasaskan oleh MAA dan 4As, Kolej IACT mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun di bidang Pendidikan dan latihan yang menjurus kepada pengkhususan di dalam bidang Pengiklanan dan Komunikasi.

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kolej IACT adalah Sijil Komunikasi Massa, Diploma Periklanan dan Komunikasi, Diploma Komunikasi Massa, Diploma Kreatif Multimedia, Diploma Komputer Grafik dan Diploma Penyiaran. Para Graduan dalam Kursus Diploma akan mempunyai akses untuk menyambung Ijazah mereka selama satu hingga satu setengah tahun di Universiti – Universiti yang bergabung dengan Kolej IACT di Amerika, Australia dan United Kingdom.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kolej IACT, sila layari laman web Kolej IACT di www.iact.edu.my atau hubungi 03-7956 0211. (Sila kunjungi Hari Terbuka Kampus Kolej IACT pada 27 dan 28 Mac 2010 dari pukul 10.00 pagi hingga 4.00 petang.)



CREACTIVE membuka peluang para pelajar di Kolej IACT untuk berurusan dengan klien yang sebenar.